



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 213

AKTA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 1959

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

**AKTA DEWAN BAHASA DAN
PUSTAKA 1959**

Pertama kali diperbuat	1959 (Ordinan No. 25 tahun 1959)
Disemak	1978 (Akta 213 m.b.p. 15 November 1978)
Teks Bahasa Kebangsaan adalah sah	P.U. (B) 501/1994

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 213

AKTA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 1959

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LEMBAGA

3. Penubuhan Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka
4. Pertubuhan Lembaga
5. Tujuan
6. Tugas Lembaga
- 6A. Lembaga menjadi pihak berkuasa penyelaras yang tunggal
- 6B. Perwakilan
7. Kuasa am Lembaga untuk membuat kontrak, dsb.
- 7A. Kuasa Lembaga memindahkan atau melupuskan aktiviti atau tugas
8. Meterai perbadanan
9. Kuorum
10. Tatacara Lembaga
11. Pelantikan dan tatacara jawatankuasa
- 11A. Pelantikan dan tatacara jawatankuasa kecil

Seksyen

- 11B. Saraan atau elaun
12. Perbelanjaan yang boleh dibayar kepada anggota Lembaga
13. Penzahiran oleh anggota Lembaga akan kepentingannya dalam transaksi dengan Lembaga dan hilang kelayakan anggota itu untuk mengundi
14. Kuasa Menteri berhubung dengan Lembaga
15. Pelupusan aset modal

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN, TATATERTIB DAN KEWANGAN

Pentadbiran

16. Pelantikan pegawai dan pekhidmat
- 16A. Tugas Ketua Pengarah
17. Kawalan bagi pegawai dan pekhidmat
18. Kuasa mengambil bekerja ejen

Tatatertib

- 18A. Jawatankuasa tatatertib
- 18B. Kuasa untuk membuat peraturan tatatertib

Kewangan

19. Penubuhan Kumpulan Wang
20. Tugas Lembaga memelihara Kumpulan Wang
21. Kumpulan Wang boleh disimpan dalam bank
22. Perbelanjaan yang hendak dibayar daripada Kumpulan Wang
23. Anggaran Tahunan
24. Akaun dan audit
- 24A. Pengenaan surcaj
- 24B. Pemberitahuan surcaj
- 24C. Penarikan balik surcaj
- 24D. Mendapatkan surcaj

BAHAGIAN IV

AM

25. Laporan Tahunan
- 25A. Pkhidmat awam
26. Perlindungan Pihak Berkuasa Awam
27. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
28. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 213

AKTA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 1959

Suatu Akta untuk mendirikan dan menubuhkan suatu badan bernama Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menggalakkan perkembangan bahasa dan kesusasteraan dalam Malaysia.

[*Semenanjung Malaysia—1 Ogos 1959,*
L.N. 270/1959;
Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan —11 Januari 1996,
Akta 930]

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959.
- (2) Akta ini hendaklah terpakai seluruh Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anggota” ertinya mana-mana anggota Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 4 dan termasuklah Pengerusi dan Naib Pengerusi;

“jawatankuasa tatatertib” ertinya jawatankuasa tatatertib Lembaga yang disebut dalam subseksyen 18A(2);

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 16;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Dewan Bahasa dan Pustaka yang ditubuhkan di bawah seksyen 19;

“Lembaga Pengelola” atau “Lembaga” ertinya Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa itu bertanggungjawab bagi pendidikan;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga dan termasuklah Naib Pengerusi;

“tahun kewangan” ertinya suatu tempoh selama dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember.

BAHAGIAN II

LEMBAGA

Penubuhan Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka

3. (1) Suatu Lembaga bernama “Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka” hendaklah ditubuhkan yang mana hendaklah mempunyai suatu pejabat di Malaysia.

(2) Lembaga hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun temurun dengan mempunyai suatu meterai perbadanan.

Pertubuhan Lembaga

4. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri;
- (b) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan atau wakilnya;
- (c) Ketua Pengarah Pendidikan atau wakilnya;
- (cc) Peguam Negara atau wakilnya;
- (d) Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau wakilnya;
- (dd) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya;
- (e) seorang yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja; dan
- (f) tidak lebih daripada 10 orang yang dilantik oleh Menteri, yang pada pendapatnya mempunyai pengetahuan luas atau telah memperoleh banyak pengalaman dalam apa-apa lapangan aktiviti yang boleh menjadi berfaedah kepada Lembaga.

(2) Menteri boleh melantik mana-mana anggota Lembaga menjadi Naib Pengerusi Lembaga.

(3) Lembaga boleh melantik seorang Setiausaha di bawah seksyen 16 yang mana tidak boleh menjadi seorang anggota Lembaga.

(4) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiap-tiap anggota hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun dari tarikh pelantikannya dan layak dilantik semula.

(5) Mana-mana anggota yang—

(a) tanpa sebab yang munasabah tidak hadir tiga kali berturut-turut mesyuarat Lembaga dan mesyuarat mana-mana jawatankuasanya yang dianggotainya;

(b) telah didapati atau diisytiharkan sebagai tidak sempurna akal;

(c) telah menjadi bankrap atau membuat perkiraan dengan pemiutangnya; atau

(d) telah dijatuhi hukuman pemenjaraan,

hendaklah disifatkan telah mengosongkan jawatan.

(6) Pelantik yang berkenaan boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota jika difikirkannya suai munafaat untuk berbuat demikian tanpa memberikan apa-apa sebab.

(7) Pelantik yang berkenaan boleh pada bila-bila masa menerima peletakan jawatan mana-mana anggota.

(8) Jika apa-apa kekosongan berlaku disebabkan kematian, ketidakhadiran, ketidaksiuman, kebankrapan, peletakan jawatan atau selainnya, pelantik yang berkenaan boleh melantik seorang untuk mengisi kekosongan itu bagi tempoh jawatan yang belum tamat bagi anggota yang mengenainya kekosongan itu telah berlaku.

(9) Pelantik itu boleh melantik mana-mana orang yang sesuai untuk bertindak sebagai seorang anggota Lembaga dalam masa mana-mana anggota sakit, tidak upaya atau berada di luar Malaysia berterusan.

Tujuan

5. (1) Tujuan Lembaga ialah—

- (i) untuk membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi;
- (ii) untuk memperkembangkan bakat sastera, khususnya dalam bahasa kebangsaan;
- (iii) untuk mencetak atau menerbitkan atau membantu dalam pencetakan atau penerbitan buku, majalah, risalah dan lain-lain bentuk kesusasteraan dalam bahasa kebangsaan dan dalam bahasa lain;
- (iv) untuk membakukan ejaan dan sebutan, dan membentuk istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan;
- (v) untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul;
- (vi) untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya ia akan digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(v) dan (vi), “untuk menggalakkan” termasuklah memberi arahan, ulasan, nasihat, bantuan, bimbingan, latihan atau pengawasan.

Tugas Lembaga

6. (1) Adalah menjadi tugas Lembaga membentuk dan melaksanakan dasar dalam menjalankan tujuannya.

(2) *(Dipotong oleh Akta A930).*

Lembaga menjadi pihak berkuasa penyelaras yang tunggal

6A. Lembaga hendaklah menjadi pihak berkuasa penyelaras yang tunggal berkenaan dengan membentuk, mencipta dan membakukan istilah dalam bahasa kebangsaan.

Perwakilan

6B. (1) Lembaga boleh, dengan suatu surat cara secara bertulis yang mengandungi meterai biasanya dan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang ditetapkan di dalamnya, mewakilkan mana-mana tugas atau kuasanya yang dipertanggungjawabkan atau diberikan kepadanya, kecuali kuasa di bawah seksyen 18A, 18B, 19 dan 27, kepada—

(a) Ketua Pengarah; atau

(b) mana-mana pegawai atau pekhidmat Lembaga.

(2) Sesuatu perwakilan di bawah subseksyen (1)—

(a) boleh dibatalkan atau diubah pada bila-bila masa oleh Lembaga; dan

(b) tidaklah boleh menghalang Lembaga daripada melaksanakan tugasnya atau menjalankan kuasanya yang diwakilkan itu jika ternyata suai manfaat untuk berbuat demikian.

Kuasa am Lembaga untuk membuat kontrak, dsb.

7. (1) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan apa-apa perkara dan untuk membuat kontrak atau apa-apa transaksi perniagaan (sama ada atau tidak melibatkan perbelanjaan, perolehan, penggunaan dan pelupusan apa-apa harta alih, tak alih, ketara atau tak ketara) yang pada pendapatnya dikira akan memudahkan pelaksanaan tugasnya atau penjalanan kuasanya dengan berkesan:

Dengan syarat bahawa kuasa ini tidaklah termasuk kuasa untuk meminjam selain daripada yang diperuntukkan dalam subseksyen 19(2).

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Lembaga hendaklah mempunyai kuasa—

(a) untuk menjalankan apa-apa aktiviti perdagangan, perindustrian, penyelidikan atau latihan atau apa-apa aktiviti lain yang penjalannya ternyata kepadanya diperlukan, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan perlaksanaan tugasnya atau penjalanan kuasanya;

- (b) untuk mengenakan fi atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut bagi perkhidmatan yang diminta dijalankan, diberikan atau dilaksanakan oleh Lembaga;
- (c) untuk menerima sebagai balasan bagi perkhidmatan yang dijalankan, diberikan atau dilaksanakan olehnya apa-apa komisen atau pembayaran sebagaimana yang dipersetujui; dan
- (d) untuk melaksanakan semua tugas dan menjalankan semua kuasa yang, adalah atau mungkin, atau boleh menjadi, diletakhakkan pada atau diwakilkan kepada Lembaga di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “perolehan”, berhubung dengan harta, termasuklah pembelian, pengambilan pajakan dan penyewagunaan harta itu; dan
- (b) “pelupusan”, berhubung dengan harta, termasuklah pemindahhakan, penjualan, penyerahhakan, penyerahan dan pemulangan, penggadaian, penggadaijanjian, pendemisan, penyewaan dan penyewaan kecil, penyerahhakan semula dan pemindahmilikan harta itu.

Kuasa Lembaga memindahkan atau melupuskan aktiviti atau tugas

7A. (1) Lembaga boleh, berhubung dengan penjalanan tujuannya di bawah perenggan 5(1)(iii), memindahkan atau melupuskan apa-apa aktiviti atau tugasnya kepada mana-mana orang atau badan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dikenakannya.

(2) Lembaga boleh membuat kaedah-kaedah untuk mengawalselia aktiviti orang atau badan itu dan menetapkan kadar dan caj yang boleh ditetapkan oleh orang atau badan itu berkenaan dengan aktiviti atau tugas orang atau badan itu di bawah subseksyen (1).

Meterai perbadanan

8. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi sesuatu reka bentuk yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu oleh Lembaga sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga di bawah seksyen ini, suatu cap mengandungi perkataan-perkataan “Lembaga Pengelola: Dewan Bahasa dan Pustaka” boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Lembaga.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi dan semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang memerlukan meterai Lembaga hendaklah dimeteraikan dengan meterai Lembaga di hadapan Pengerusi atau Naib Pengerusi dan di hadapan seorang anggota atau seorang pegawai Lembaga yang diberi kuasa oleh Lembaga untuk bertindak bagi maksud itu, yang mana hendaklah menandatangani tiap-tiap surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang telah dimeteraikan itu dan tandatangan itu menjadi keterangan yang memadai bahawa meterai itu telah dicapkan dengan sempurna dan sewajarnya dan bahawa meterai itu ialah, atau digunakan sebagai, meterai Lembaga yang sah.

(4) Meterai Lembaga itu hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Kuorum

9. (1) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Lembaga ialah lima orang anggota selain daripada Pengerusi.

(2) Jika sekiranya undi atas apa-apa soal didapati sama banyak, Pengerusi berhak memberi suatu undi pemutus selain daripada undi asalnya.

(3) Lembaga boleh mengundang sesiapa jua, sama ada seorang atau lebih daripada seorang, menghadiri mana-mana satu mesyuarat Lembaga bagi maksud membantu atau menasihatkan Lembaga, tetapi orang-orang yang diundang itu tidak berhak mengundi.

Tatacara Lembaga

10. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Lembaga boleh membuat perintah tetap mengawal selia tatacaranya sendiri pada amnya dan khususnya berkenaan dengan mengadakan mesyuarat, notis yang akan diberi mengenai mesyuarat itu, urusan yang akan dijalankan dalam mesyuarat itu, menyimpan, mengemukakan dan memeriksa minit mesyuarat itu dan membuka, menyimpan, menutup dan mengaudit akaun.

(2) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam suku tahun yang pertama dan ketiga tiap-tiap tahun bagi maksud menimbangkan, selain daripada apa-apa urusan lain yang mengenainya notis hendaklah diberi dengan sewajarnya, suatu laporan berkenaan dengan kerja Lembaga dalam masa separuh tahun yang berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember dan tiga puluh haribulan Jun, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebelum sahaja suku tahun itu.

Pelantikan dan tatacara jawatankuasa

11. (1) Lembaga boleh melantik satu atau lebih jawatankuasa yang difikirkannya patut untuk membantunya dalam melaksanakan tugasnya dan menjalankan kuasanya tentang apa-apa perkara yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan apa-apa tugas atau kuasanya di bawah Akta ini.

(2) Tertakluk kepada Akta ini, dan kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Lembaga, sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tataranya sendiri.

(3) Sesuatu jawatankuasa boleh, selepas berunding dengan Lembaga, mengundang seorang atau lebih untuk menghadiri mana-mana mesyuarat tertentu jawatankuasa itu bagi maksud membantu atau menasihati jawatankuasa itu, tetapi orang yang diundang sedemikian tidak berhak untuk mengundi.

(4) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menepati apa-apa arahan yang diberikan kepadanya dari semasa ke semasa oleh Lembaga dan Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah pertubuhan jawatankuasa yang dilantik sedemikian.

Pelantikan dan tatacara jawatankuasa kecil

11A. (1) Tertakluk kepada apa-apa batasan, sekatan atau syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga, suatu jawatankuasa boleh melantik satu atau lebih jawatankuasa kecil untuk membantunya dalam melaksanakan tugasnya dan menjalankan kuasanya.

(2) Tertakluk kepada Akta ini, dan kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh jawatankuasa, sesuatu jawatankuasa kecil boleh mengawal selia tataranya sendiri.

(3) Sesuatu jawatankuasa kecil boleh, selepas berunding dengan jawatankuasa dan dengan kelulusan Lembaga, mengundang seorang atau lebih untuk menghadiri mana-mana mesyuarat tertentu jawatankuasa kecil itu bagi maksud membantu atau menasihati jawatankuasa kecil itu, tetapi orang yang diundang sedemikian tidak berhak mengundi.

(4) Sesuatu jawatankuasa kecil hendaklah menepati apa-apa arahan yang diberikan kepadanya dari semasa ke semasa oleh jawatankuasa dan jawatankuasa itu boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah pertubuhan jawatankuasa kecil yang dilantik sedemikian.

Saraan atau elaun

11B. Jika seseorang yang bukan anggota, pegawai atau pekhidmat Lembaga diundang untuk menghadiri sesuatu mesyuarat Lembaga, mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecil bagi maksud memberi bantuan atau nasihat di bawah subseksyen 9(3), 11(1) atau 11A(1) Lembaga boleh melalui resolusi menetapkan saraan atau elaun bagi orang itu, dan wang itu hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

Perbelanjaan yang boleh dibayar kepada anggota Lembaga

12. Maka bolehlah dibayar kepada tiap-tiap seorang ahli Lembaga daripada Kumpulan Wang apa-apa perbelanjaan perjalanan, penginapan atau apa-apa lain perbelanjaan sendiri yang dilakukan oleh anggota itu atas urusan Lembaga mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa tertakluk kepada apa-apa had dan syarat yang ditetapkan oleh Menteri.

Penzahiran oleh anggota Lembaga akan kepentingannya dalam transaksi dengan Lembaga dan hilang kelayakan anggota itu untuk mengundi

13. (1) Mana-mana ahli yang mempunyai atau memperoleh secara langsung atau secara tak langsung dengan sendirinya, melalui pekongsi atau ejennya—

(a) apa-apa syer atau kepentingan—

(i) dalam sesuatu kontrak yang dibuat dengan, atau kerja yang dibuat untuk, Lembaga; atau

- (ii) dalam mana-mana syarikat atau firma dengan mana, atau dengan mana-mana orang dengannya, atau berkenaan dengan apa-apa pengusahaan dengan mana, Lembaga bercadang hendak membuat apa-apa kontrak; atau
- (b) apa-apa kepentingan benefisial mengenai tanah yang dicadang hendak diperoleh, dibeli, dipajak atau, secara lain, diuruskan oleh Lembaga atau yang ia ketahui akan terlibat, atau mungkin terlibat dengan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang diluluskan atau dicadang untuk diluluskan oleh Lembaga,

hendaklah mengisytiharkan jenis sebenar dan takat syer atau kepentingannya kepada Lembaga.

(2) Perisytiharan yang dikehendaki dibuat oleh seseorang anggota oleh subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam mesyuarat Lembaga yang apa-apa soal berhubung dengan kontrak, pemerolehan, pembelian, pajakan, urusan, projek atau skim itu pertama kali ditimbang, atau, jika anggota itu tidak mempunyai pada tarikh mesyuarat tersebut apa-apa syer atau kepentingan itu, dalam mesyuarat tersebut yang berikutnya yang diadakan selepas dia memperoleh syer atau kepentingan itu, dan dalam hal jika anggota itu memperoleh sesuatu syer atau kepentingan itu dalam apa-apa kontrak dengan Lembaga selepas kontrak itu dibuat, perisytiharan tersebut hendaklah dibuat dalam mesyuarat tersebut yang pertama diadakan selepas anggota itu memperoleh syer atau kepentingan itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, suatu notis am yang diberikan kepada anggota lain oleh seorang anggota yang bermaksud bahawa dia ialah ahli bagi mana-mana syarikat atau firma tertentu dan hendaklah dianggap sebagai mempunyai kepentingan dalam apa-apa kontrak yang boleh, selepas tarikh notis itu, dibuat dengan atau oleh syarikat atau firma tersebut, hendaklah disifatkan sebagai suatu perisytiharan kepentingan yang memadai berhubung dengan sesuatu kontrak yang dibuat sedemikian:

Dengan syarat bahawa notis itu tidak mempunyai apa-apa kesan melainkan sama ada notis itu diberikan dalam suatu mesyuarat Lembaga atau anggota yang berkenaan itu mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan notis itu dikemukakan dan dibaca dalam mesyuarat Lembaga yang berikutnya selepas ia diberikan.

(4) Tiap-tiap perisytiharan yang dibuat menurut seksyen ini hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang ia telah dibuat atau dibaca.

(5) Seseorang anggota tidak boleh mengundi di atas apa-apa resolusi atau soal berhubung dengan apa-apa kontrak, pemerolehan, pembelian, pajakan, urusan, projek atau skim yang dalamnya dia mempunyai apa-apa syer atau kepentingan, sama ada atau tidak ia telah mengisytiharkannya, dan juga ia tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa pertimbangtelitian (kecuali dengan undangan Lembaga) atau keputusan berhubung dengannya atau berhubung dengan apa-apa hal yang bersampingan dengannya, dan jika ia berbuat demikian maka undinya tidak boleh dikira, dan juga ia tidak boleh dikira dalam kuorum yang hadir di mesyuarat itu.

(6) Peruntukan seksyen ini hendaklah terpakai, dengan apa-apa penyesuaian dan ubah suaian yang perlu untuk membolehkannya terpakai dan berkuat kuasa, bagi anggota sesuatu jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang dilantik oleh Lembaga berkenaan dengan apa-apa kontrak atau apa-apa pemerolehan, pembelian, pajakan atau urusan mengenai tanah atau apa-apa projek atau skim yang ada kena mengena dengan jawatankuasa atau jawatankuasa kecil itu dengan cara sama seperti ia terpakai bagi seseorang anggota mengenai hal-hal seperti itu berhubung dengan Lembaga.

Kuasa Menteri berhubung dengan Lembaga

14. (1) Menteri boleh memberi kepada Lembaga arahan secara am yang tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini mengenai perjalanan dan pelaksanaan tugas dan fungsi Lembaga berhubung dengan hal-hal yang pada pendapatnya menyentuh kepentingan Malaysia dan Lembaga hendaklah menguatkuasakan semua arahan itu.

(2) Lembaga hendaklah memberi kepada Menteri apa-apa penyata, akaun dan lain-lain maklumat berkenaan dengan harta dan aktiviti Lembaga sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(3) Menteri boleh, menurut budi bicaranya, pada bila-bila masa melantik suatu jawatankuasa siasat untuk menyiasat hal ehwal Lembaga dan jawatankuasa itu hendaklah mengemukakan laporannya kepada Menteri.

Pelupusan aset modal

15. Kuasa yang diberikan kepada Menteri oleh seksyen 14 untuk memberikan arahan kepada Lembaga hendaklah termasuk memberi arahan—

- (a) mengenai pelupusan aset modal; atau
- (b) mengenai penggunaan hasil daripada pelupusan itu walaupun arahan itu berkenaan dengan perkara tertentu:

Dengan syarat bahawa selagi apa-apa wang yang dipinjam oleh Lembaga mengikut peruntukan Akta ini masih belum dijelaskan, arahan itu tidak boleh diberikan kecuali dengan persetujuan Menteri Kewangan.

BAHAGIAN III**PENTADBIRAN, TATATERTIB DAN KEWANGAN***Pentadbiran***Pelantikan pegawai dan pekhidmat**

16. Lembaga boleh—

- (a) dengan kelulusan Menteri melantik, atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Lembaga dan Menteri, seorang pegawai eksekutif yang akan disebut Ketua Pengarah; dan
- (b) melantik, atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut, pegawai dan pekhidmat lain yang perlu bagi maksud Akta ini.

Tugas Ketua Pengarah

16A. Ketua Pengarah hendaklah, tertakluk kepada arahan dan kawalan Lembaga, bertanggungjawab bagi—

- (a) pentadbiran dan pengurusan hari ke hari hal ehwal Lembaga;
- (b) penyediaan program, skim, projek dan aktiviti Lembaga;
- (c) pelaksanaan semua program, skim, projek dan aktiviti Lembaga;

- (d) pemberian maklumat yang sepenuhnya kepada Lembaga tentang kemajuan program, skim, projek dan aktiviti Lembaga;
- (e) pengeluaran panduan dasar atau penerangan keputusan Lembaga kepada pegawai dan pekhidmat Lembaga;
- (f) pelaksanaan keputusan dasar Lembaga; dan
- (g) pengawasan dan pengawalan ke atas pelaksanaan keputusan Lembaga.

Kawalan bagi pegawai dan pekhidmat

17. Pegawai dan pekhidmat Lembaga hendaklah di bawah kawalan pentadbiran Ketua Pengarah dan, tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 27, kuasa bagi melantik, menaikkan pangkat, mengurangkan atau memberi cuti kepada pegawai dan pekhidmat Lembaga hendaklah dijalankan oleh Lembaga selepas berunding dengan Ketua Pengarah.

Kuasa mengambil bekerja ejen

18. Lembaga boleh mengambil bekerja dan membayar ejen dan penasihat teknik, sama ada peguam bela dan peguam cara, banker, broker saham, juruukur atau penilai atau orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan dalam melaksanakan kuasa dan tugas Lembaga atau bagi melaksanakan dengan cara yang lebih baik maksud Akta ini, dan boleh membayar daripada Kumpulan Wang segala caj dan perbelanjaan yang dilakukan sedemikian.

Tatatertib

Jawatankuasa tatatertib

18A. (1) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua pegawai dan pekhidmatnya dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib berkenaan dengan semua orang itu mengikut Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 18B.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

(a) suatu jawatankuasa tatatertib Lembaga hendaklah ditubuhkan berkenaan dengan Ketua Pengarah yang terdiri daripada—

- (i) Pengerusi, yang hendaklah menjadi pengerusi jawatankuasa; dan
- (ii) dua anggota Lembaga yang hendaklah dilantik oleh Lembaga; dan

(b) Lembaga boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuhkan jawatankuasa tatatertib yang berlainan bagi kategori pegawai atau pekhidmat Lembaga yang berlainan.

(3) Yang berikut hendaklah terpakai kepada mana-mana jawatankuasa tatatertib yang ditubuhkan menurut perenggan (2)(b):

(a) jawatankuasa itu hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan anggota Lembaga atau pegawai Lembaga atau apa-apa gabungan anggota dan pegawai itu; dan

(b) seseorang pegawai yang menjadi ahli jawatankuasa tatatertib tidak boleh berpangkat lebih rendah daripada mana-mana pegawai atau pekhidmat yang ke atas pegawai atau pekhidmat itu jawatankuasa yang dia menjadi ahli mempunyai kuasa tatatertib.

(4) Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah perenggan (2)(b) hendaklah menjalankan kuasanya dalam segala perkara berhubungan dengan tatatertib pegawai dan pekhidmat yang diletakkan di bawah bidang kuasanya.

(5) Pada menjalankan fungsi dan kuasa tatatertibnya, jawatankuasa tatatertib yang disebut di bawah subseksyen (2) hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan hukuman tatatertib yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan yang boleh dibuat di bawah seksyen 18B.

(6) Sesuatu keputusan—

(a) jawatankuasa tatatertib yang disebut di bawah perenggan (2)(a); dan

- (b) mana-mana jawatankuasa tata tertib yang disebut di bawah perenggan (2)(b),

boleh dirayu masing-masingnya kepada—

- (i) Menteri; atau
- (ii) Lembaga,

dan Menteri atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan itu.

(7) Apabila Lembaga menimbangkan sesuatu rayuan di bawah subseksyen (6), seseorang ahli jawatankuasa tata tertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat yang juga anggota Lembaga tidak boleh hadir atau dalam apa-apa cara turut serta dalam apa-apa prosiding yang berhubungan dengan rayuan itu.

(8) Keputusan Menteri atau Lembaga di bawah subseksyen (6) adalah muktamad dan konklusif.

Kuasa untuk membuat peraturan tata tertib

18B. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan yang difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi mengadakan peruntukan mengenai tata tertib Ketua Pengarah, pegawai dan pekhidmat Lembaga.

(2) Peraturan-peraturan tata tertib yang dibuat di bawah seksyen ini—

- (a) boleh mewujudkan kesalahan tata tertib;
- (b) boleh mengadakan peruntukan bagi hukuman tata tertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman-hukuman yang diperuntukkan itu boleh meliputi pelucuthakan emolumen, penangguhan pergerakan gaji, pengurangan gaji, penurunan pangkat dan pembuangan kerja;
- (c) hendaklah memberikan kepada orang yang terhadapnya prosiding tata tertib itu diambil peluang membuat representasi terhadap tuduhan tata tertib yang dibuat

terhadapnya sebelum suatu keputusan dicapai oleh jawatankuasa tatatertib itu kecuali dalam hal-hal yang berikut:

- (i) jika seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;
 - (ii) jika Lembaga, atas syor Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal dalam negeri, berpuas hati baawa demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suai manfaat untuk menjalankan kehendak perenggan ini; atau
 - (iii) jika telah dibuat terhadap seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga itu apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi, atau jika telah dikenakan terhadap pegawai atau pekhidmat Lembaga itu apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya, di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita atau gadis;
- (d) boleh mengadakan peruntukan bagi penahanan kerja dengan pengurangan emolumen seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga sementara menanti suatu prosiding jenayah terhadapnya atau prosiding tatatertib terhadapnya dengan tujuan membuang kerja atau menurunkan pangkatnya; dan
- (e) boleh mengadakan peruntukan bagi penggantungan kerja tanpa emolumen seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga jika pegawai atau pekhidmat itu telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah jenayah atau jika suatu perintah tahanan atau sekatan telah dibuat berkenaan dengan atau dikenakan ke atas pegawai atau pekhidmat itu.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), “pegawai” termasuklah Ketua Pengarah.

Kewangan

Penubuhan Kumpulan Wang

19. (1) Bagi maksud Akta ini suatu Kumpulan Wang bernama Kumpulan Wang Dewan Bahasa dan Pustaka dengan ini ditubuhkan yang mana hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Lembaga.

(2) Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada—

(a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan sebagai pemberian dari semasa ke semasa oleh Parlimen;

(b) apa-apa jumlah wang yang dari semasa ke semasa dipinjamkan kepada Lembaga oleh Kerajaan Malaysia;

(c) wang yang didapati melalui pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang itu;

(d) segala jumlah wang atau harta yang mungkin dengan apa-apa cara kena dibayar atau diletakhakkan pada Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan kuasa dan tugasnya;

(e) apa-apa hadiah sukarela kepada Lembaga atau kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

(3) Caj atas apa-apa amaun yang diuntukkan kepada Lembaga daripada wang pinjaman hendaklah dibayar oleh Lembaga.

Tugas Lembaga memelihara Kumpulan Wang

20. Adalah menjadi tugas Lembaga memelihara Kumpulan Wang dengan menjalankan dan menyempurnakan fungsi dan tugasnya di bawah Akta ini dengan cara supaya jumlah hasil Lembaga cukup untuk membayar semua wang yang dipertanggungkan dengan sewajarnya pada akaun hasilnya termasuk, tanpa menyentuh keluasan untkapan tersebut, peruntukan berkenaan dengan tanggungannya di bawah subseksyen 19(3), susut nilai dan bunga atas modal dari setahun ke setahun.

Kumpulan Wang hendaklah disimpan dalam bank

21. Kumpulan Wang boleh disimpan dalam suatu bank dalam Malaysia yang memegang suatu lesen yang sah di bawah peruntukan *Akta Bank 1958 [Akta 102], atau dilaburkan dalam sekuriti Kerajaan Malaysia atau lain-lain sekuriti yang diluluskan secara bertulis oleh Menteri Kewangan.

Perbelanjaan yang hendak dibayar daripada Kumpulan Wang

22. Selain daripada peruntukan seksyen 11B, 12, 18 dan subseksyen 19(3), Lembaga boleh menggunakan Kumpulan Wang—

- (a) bagi membayar apa-apa perbelanjaan yang sah dilakukan olehnya dan saraan mana-mana pegawai atau pekhidmat yang diambil bekerja oleh Lembaga, termasuk elaun persaraan, pencen atau ganjaran;
- (b) bagi membayar apa-apa perbelanjaan atau kos lain yang dilakukan atau disetujui dengan sewajarnya akan dibayar oleh Lembaga dalam menjalankan kuasa yang diberikan kepada Lembaga oleh Akta ini;
- (c) bagi memberikan pinjaman kepada pegawai dan pekhidmat Lembaga bagi maksud memperoleh alat kenderaan untuk kegunaan mereka sendiri;
- (d) bagi memberi pinjaman kepada pegawai dan pekhidmat Lembaga bagi maksud memperoleh, membina atau membeli rumah untuk tempat tinggal mereka atau tempat tinggal keluarga mereka atau bagi maksu memperbaiki rumah mereka; dan dalam tiap-tiap satu hal di mana Lembaga memberi pinjaman kepada pegawai dan pekhidmatnya di bawah perenggan ini, rumah itu termasuk tanah di mana rumah itu didirikan hendaklah digadai janji kepada Lembaga sebagai sekuriti bagi pinjaman itu;
- (e) bagi memberikan pinjaman kepada pegawai dan pekhidmat Lembaga bagi apa-apa maksud lain yang diluluskan oleh Lembaga.

*CATATAN—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372]—lihat subseksyen 128(1) Akta 372.

Anggaran Tahunan

23. (1) Pengerusi hendaklah, tidak lewat daripada satu bulan sebelum bermula tiap-tiap satu tahun kewangan, membentangkan di hadapan Lembaga suatu anggaran hasil dan perbelanjaan Lembaga, termasuk perbelanjaan modal, bagi tahun yang berikutnya dengan terperinci dan dalam bentuk yang dikehendaki oleh Lembaga.

(2) Suatu salinan anggaran itu hendaklah dihantar kepada tiap-tiap seorang anggota Lembaga tidak kurang daripada empat belas hari sebelum mesyuarat dihadapannya anggaran itu akan dibentangkan.

(3) Lembaga hendaklah menimbangkan anggaran yang dikemukakan sedemikian dan hendaklah membenarkan anggaran itu sama ada tanpa berubah atau tertakluk kepada apa-apa perubahan yang difikirkannya patut.

(4) Anggaran itu sebagaimana yang dibenarkan oleh Lembaga hendaklah dikemukakan kepada Menteri, dan Menteri boleh, pada bila-bila masa dalam tempoh satu bulan selepas menerima anggaran itu, enggan membenarkan anggaran itu, atau mana-mana bahagiannya, dan mengembalikannya untuk dipinda.

(5) Lembaga hendaklah, jika anggaran itu dikembalikan sedemikian oleh Menteri, meminda anggaran itu dengan segera, dan hendaklah mengemukakan semula anggaran yang dipinda sedemikian kepada Menteri.

(6) Lembaga boleh, pada bila-bila masa dalam tahun yang baginya anggaran itu telah dibenarkan, menyebabkan suatu anggaran tambahan disediakan dan dikemukakan kepadanya.

(7) Tiap-tiap anggaran tambahan itu hendaklah ditimbangkan dan dibenarkan oleh Lembaga, dan dikemukakan kepada Menteri, dan, jika perlu, dipinda dan dikemukakan semula seolah-olah ia anggaran asal.

(8) Lembaga tidak boleh melakukan perbelanjaan melainkan dengan mengikut anggaran atau anggaran tambahan yang telah diluluskan oleh Menteri.

Akaun dan audit

24. (1) Lembaga hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan dengan sewajarnya akaun dan rekod lain berkenaan dengan perjalanannya dan hendaklah menyebabkan disediakan penyata akaun bagi tiap-tiap satu tahun kewangan.

(2) Akaun Lembaga hendaklah diaudit tiap-tiap tahun oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit lain yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

(3) Selepas berakhir setiap satu tahun kewangan, sebaik sahaja akaun Lembaga diaudit, Lembaga hendaklah menyebabkan satu salinan penyata akaun itu dihantar kepada Menteri, bersama dengan satu salinan apa-apa ulasan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit lain yang dilantik di bawah subseksyen (2) mengenai apa-apa pernyataan atau mengenai akaun Lembaga.

(4) Menteri hendaklah menyebabkan satu salinan tiap-tiap penyata dan ulasan itu dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

Pengenaan surcaj

24A. (1) Seseorang yang atau pernah bekerja dengan Lembaga boleh disurcajkan jika didapati oleh Lembaga bahawa orang itu—

- (a) telah gagal memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Lembaga yang pemungutannya menjadi tanggungjawabnya;
- (b) adalah atau telah bertanggungjawab atas apa-apa pembayaran wang yang tidak sepatutnya daripada Kumpulan Wang atau atas apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau secara tidak langsung, atas apa-apa kekurangan pada, atau atas pemusnahan, apa-apa wang, setem, sekuriti, barang simpanan atau harta lain Lembaga;
- (d) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, gagal atau telah gagal menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya; atau

(e) telah gagal membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab atas apa-apa kelewatan dalam pembayaran, wang daripada Kumpulan Wang kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibayar di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum orang itu disurcajkan, menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak sepatutnya disurcajkan.

(3) Jika suatu penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis yang tersebut dahulu disampaikan, Lembaga boleh—

(a) dalam hal perenggan (1)(a), (b) dan (c), mensurcajkan terhadap orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi amaun apa-apa amaun yang tidak dipungut, atau pembayaran yang tidak sepatutnya yang dibuat, atau kekurangan pada atau kerugian, atau pemusnahan harta itu;

(b) dalam hal perenggan (1)(d) dan (e), mensurcajkan apa-apa jumlah wang yang difikirkan patut oleh Lembaga terhadap orang itu.

Pemberitahuan surcaj

24B. Lembaga hendaklah memberitahu orang yang disurcajkan itu berkenaan dengan apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen 24A(3).

Penarikan balik surcaj

24c. Walau apa pun subseksyen 24A(3) dan seksyen 24B, Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya suatu penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcaj patut dibuat, dan Lembaga hendaklah dengan segera memberitahu orang itu tentang penarikan balik itu.

Mendapatkan surcaj

24D. Amaun apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen 24A(3) dan tidak ditarik balik di bawah seksyen 24C hendaklah menjadi suatu hutang yang kena dibayar kepada Lembaga daripada orang yang terhadapnya surcaj itu dibuat dan boleh dibawa guaman dan didapatkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Lembaga dan boleh juga jika diarahkan oleh Lembaga didapatkan melalui pemotongan—

- (a) gaji orang yang disurcajkan; atau
- (b) pencen orang yang disurcajkan,

dengan bayaran ansuran yang sama banyak yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji bulanan atau pencen, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

BAHAGIAN IV**AM****Laporan Tahunan**

25. (1) Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada tiga puluh haribulan April dalam tiap-tiap satu tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri suatu laporan berkenaan dengan aktiviti Lembaga dalam masa tahun kewangan yang lalu dan mengandungi apa-apa maklumat berhubung dengan perjalanan dan dasar Lembaga sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Menteri hendaklah menyebabkan satu salinan tiap-tiap laporan itu dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

Pekhidmat awam

25A. Pada melaksanakan tugas dan menjalankan kuasa mereka, semua anggota, Ketua Pengarah, pegawai dan pekhidmat Lembaga hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Perlindungan Pihak Berkuasa Awam

26. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau pembicaraan terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau kemungkiran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifatnya sedemikian.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

27. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu, berkenaan dengan perkara yang berikut:

- (a) menetapkan cara bagaimana dokumen, cek dan surat cara dari apa-apa jenis akan ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak Lembaga atau mana-mana perbadanan;
- (b) menetapkan tanggungjawab dan kawalan bagi pegawai dan pekhidmat Lembaga;
- (c) menetapkan hal keadaan dalam mana anggota Lembaga dan pegawai dan pekhidmat Lembaga boleh menerima elaun perjalanan dan elaun hidup dan menetapkan kadar elaun itu;
- (d) mengenakan fi dalam apa-apa hal yang ditetapkan oleh Lembaga;
- (e) mengadakan tatacara bagi mengawal dan mengurus Kumpulan Wang; dan
- (f) amnya bagi menjalankan kuasa dan tugasnya di bawah peruntukan Akta ini.

Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah

28. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah bagi atau berkenaan dengan gaji, elaun (kecuali elaun-elaun yang tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 27) dan syarat perkhidmatan bagi pegawai dan pekhidmatnya atau suatu skim pencen, ganjaran, persaraan atau kumpulan wang simpanan bagi pegawai dan pekhidmat itu.

(2) Kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh mengadakan peruntukan—

- (a) bagi menubuh dan menguruskan skim pencen, ganjaran, persaraan atau kumpulan wang simpanan itu; dan
- (b) bagi memindahkan ke dalam kumpulan wang atau skim tersebut caruman atau bahagian daripada caruman itu yang telah dibayar ke dalam mana-mana kumpulan wang simpanan atau kumpulan wang lain sebelum kumpulan wang simpanan di bawah seksyen ini ditubuhkan.

(3) Peruntukan yang berikut hendaklah terpakai bagi apa-apa kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini:

- (a) tiada derma, caruman, ganjaran, elaun atau bayaran lain yang kena dibayar di bawah kaedah-kaedah itu, dan juga tiada apa-apa hak atau kepentingan yang diperolehi oleh mana-mana orang terhadap apa-apa ganjaran, elaun atau lain-lain bayaran di bawahnya, boleh diserahkan hak atau dipindah milik atau ditahan, diasingkan atau dilevi bagi atau mengenai apa-apa jua hutang atau tuntutan, kecuali hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan;
- (b) apa-apa wang yang dibayar di bawah mana-mana kaedah itu apabila seseorang mati hendaklah disifatkan teramanah untuk orang yang berhak kepadanya mengikut wasiat simati itu atau apabila simati mati tanpa wasiat, tetapi tidak boleh disifatkan menjadi sebahagian daripada harta pesakanya atau sebagai tertakluk kepada hutangnya;
- (c) mana-mana orang boleh, dengan wasiatnya atau dengan suatu memorandum yang ditandatangani, melantik seorang atau beberapa orang pemegang amanah bagi wang yang kena dibayar di bawah mana-mana kaedah itu apabila ia mati, dan boleh mengadakan peruntukan bagi pelantikan seorang atau beberapa orang pemegang amanah baru bagi wang itu dan bagi pelaburan wang itu;
- (d) jika pada masa kematian seseorang atau pada bila-bila masa kemudiannya tiada seorang pemegang amanah bagi wang itu atau adalah suaimanfaat dilantik seorang atau beberapa orang pemegang amanah baru, maka dalam mana-mana hal itu seorang atau beberapa orang pemegang amanah atau seorang atau beberapa orang pemegang amanah baru boleh dilantik oleh Mahkamah Tinggi atau seorang Hakim Mahkamah Tinggi;

- (e) resit dari seorang atau beberapa orang pemegang amanah yang dilantik dengan sewajarnya atau, jika tiada pemegang amanah dilantik, resit dari wakil diri di sisi undang-undang bagi orang yang mati, hendaklah menjadi suatu penjelasan bagi apa-apa wang yang kena dibayar di bawah mana-mana kaedah itu apabila orang itu mati;
 - (f) tiada derma, caruman atau bunga yang dibayar di bawah mana-mana kaedah itu boleh tertakluk kepada hutang pencarum, dan juga derma, caruman atau bunga itu tidak boleh dibayar kepada Pegawai Pemegang Harta atas kebangkrapan seseorang pencarum di bawah mana-mana kaedah itu, tetapi jika pencarum itu dihukum menjadi bankrap atau ditetapkan sebagai tak berkemampuan menjelaskan tanggungannya menurut hukuman mahkamah, maka derma, caruman atau bunga itu hendaklah, tertakluk kepada peruntukan kaedah-kaedah itu, disifatkan sebagai teramanah untuk orang-orang yang berhak kepadanya apabila pencarum itu mati;
 - (g) kebangkrapan seseorang pencarum tidaklah menghalang potongan dibuat daripada gaji pencarum mengikut kaedah-kaedah itu, tetapi potongan-potongan itu hendaklah terus dibuat walau apapun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, dan bahagian gaji yang dipotong sedemikian hendaklah disifatkan tidak menjadi sebahagian daripada hartanya yang diperoleh selepas kebangkrapannya;
 - (h) mana-mana orang yang merupakan seseorang pencarum di bawah mana-mana kaedah itu hendaklah, jika ia dibuang kerja dari perkhidmatan kerana fraud, kecurangan atau salah laku yang melibatkan kerugian wang kepada Lembaga, atau bersara atau meletakkan jawatan dengan niat hendak mengelakkan daripada diberhenti atau dibuang kerja akibat fraud, kecurangan atau salah laku itu, melucut hak, tertakluk kepada apa-apa syarat yang diperuntukkan oleh kaedah-kaedah itu, semua atau mana-mana bahagian caruman yang dibayar oleh Lembaga dan bunga yang terakru atasnya mengikut sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga; rayuan terhadap apa-apa lucut hak itu terletak pada Menteri.
-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 213****AKTA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 1959**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 53/1966	Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) 1966	28-07-1966
Akta A47	Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) 1971	30-04-1971
Akta A79	Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) (No. 2) 1971	17-09-1971
Akta A930	Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Peluasan) 1995	11-01-1996
P.U. (A) 71/2003	Perintah Penyemakan Undang- Undang (Pembetulan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959) 2003	07-03-2003

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 213

AKTA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 1959

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
1	Akta A930	11-01-1996
2	Akta A79 Akta A930	17-09-1971 11-01-1996
3	Akta A930	11-01-1996
4	Akta A79 Akta A930	17-09-1971 11-01-1996
5	Akta A79 Akta A930	17-09-1971 11-01-1996
6	Akta A930	11-01-1996
6A	Akta A930	11-01-1996
6B	Akta A930	11-01-1996
7	Akta A930	11-01-1996
7A	Akta A930	11-01-1996
11	Akta A930	11-01-1996
11A	Akta A930	11-01-1996
11B	Akta A930	11-01-1996
Tajuk Bahagian III	Akta A930	11-01-1996
16A	Akta A930	11-01-1996
17	Akta A930	11-01-1996
18A	Akta A930	11-01-1996
18B	Akta A930	11-01-1996

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
22	Akta A930	11-01-1996
24A	Akta A930	11-01-1996
24B	AktaA930	11-01-1996
24C	Akta A930	11-01-1996
24D	Akta A930	11-01-1996
25A	Akta A930	11-01-1996
27	Akta A930	11-01-1996
Keseluruhan Akta	Akta A47	30-04-1971
